

Harga kenderaan patut lebih murah bawah DAN

UM-24/3/2006

KUALA LUMPUR 23 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, harga kenderaan di negara ini sepatutnya lebih murah di bawah Dasar Automotif Nasional (DAN) ekoran pengurangan duit import dan eksais.

Perdana Menteri berkata, penurunan harga kenderaan di negara ini akan turut melibatkan kereta buatan Proton Holdings Bhd. (Proton).

"Bagaimanapun, beberapa kategori kenderaan seperti kenderaan pelbagai guna (MPV), kenderaan pacuan empat roda (4WD), van dan kenderaan utiliti sports (SUV) tidak akan mengalami penurunan harga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Laporan Wawasan 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) bersama Presiden IDB, Dr. Ahmad Mohamed Ali dan Pengerusi Suruhanjaya Wawasan 1440 Hijrah IDB, Tun Dr. Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Semalam, kerajaan mengumumkan pelaksanaan pelbagai langkah di bawah DAN termasuk mengurangkan cukai terhadap kereta import bagi menjadikan Malaysia sebuah pusat automotif serantau.

Langkah menurunkan cukai import dan menyelaraskan duti eksais itu akan membolehkan

rakyat Malaysia membeli kenderaan pada harga yang lebih murah, kecuali beberapa kategori kenderaan pacuan empat roda dan kenderaan pelbagai guna dari luar rantau ini.

DAN yang ditunggu-tunggu sejak rangkanya diumumkan pada 19 Oktober lalu turut menggariskan tindakan lain seperti inisiatif Geran Dana Penyesuaian Industri serta menetapkan tindakan mewartakan nilai kenderaan import bagi menangani masalah pengisytiharan di bawah nilai dan memansuhkan sistem permit import (AP) pada 31 Disember 2010.

Abdullah berkata, DAN akan menguntungkan rakyat negara ini, menjadikan pengeluar kereta nasional terutama Proton lebih berdaya maju untuk bersaing di pasaran global serta memacu pertumbuhan industri permotoran yang lebih dinamik.

Beliau menambah, Proton menjelaskan bahawa syarikat itu telah bersedia untuk bersaing di pasaran luar negara dan telah memulakan usaha mengeksport kereta keluarannya.

"Proton gembira dengan DAN dan memberitahu saya bahawa mereka tidak mempunyai sebarang masalah untuk menambah kapasiti pengeluaran serta telah mula menerokai pasaran luar negara," jelas beliau.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyaksikan Dr. Mahathir Mohamad menyerahkan Laporan Wawasan 1440 Hijrah IDB kepada Dr. Ahmad Mohamed Ali (kiri) pada majlis pelancaran laporan itu di Kuala Lumpur, semalam.